

Usahawan digesa terima teauran PM secara positif

UM 26 MAR 2001

KUALA LUMPUR 25 Mac

— Usahawan bumiputera digesa menerima teguran Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad secara positif dan berusaha menjaga imej dan maruah mereka dengan meningkatkan pencapaian dalam bidang ekonomi.

Ini kerana usahawan bumiputera yang mengambil sikap sambil lewa dalam perniagaan dengan menjual saham serta lesen yang dimiliki kepada bukan bumiputera memberikan gambaran bahawa mereka bukanlah kumpulan usahawan bumiputera yang baik.

Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Melayu Wilayah Persekutuan, Datuk Syed Amin Al Jeffri yang kesal dengan sikap tidak serius berniaga di kalangan sesetengah usahawan bumiputera meminta mereka supaya mengubah sikap sedemikian.

Katanya, teguran Perdana Menteri itu perlu diterima secara positif dan usahawan bumiputera harus bersama-sama kerajaan membantu membangunkan ekonomi negara dengan meningkatkan pencapaian ekonomi mereka, bukan sebaliknya.

“Apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri itu memang berlaku. Saya nasihatkan walaupun mereka ingin menjual semula saham, jual kepada bumipu-

tera lain dan penjualan itu adalah untuk mendapatkan modal bagi meneruskan perniagaan bukannya untuk bersenang-senang,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Syed Amin menyatakan demikian sebagai mengulas kenyataan Dr. Mahathir yang menyelar sikap bumiputera yang ingin cepat kaya dengan menjual kemudahan yang diberikan oleh kerajaan sehingga menyebabkan kegagalan mereka dalam bidang ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, antara perbuatan mereka ialah menjual saham, lesen perniagaan dan pengangkutan kepada bukan bumiputera kerana ingin cepat mengejar keuntungan.

Bertindak

Mengulas lanjut, Syed Amin berkata, tidak ada statistik yang jelas mengenai jumlah usahawan yang bertindak sedemikian tetapi beliau menjangkakan jumlahnya tidak begitu besar.

“Pihak dewan akan memanggil dan menegur mana-mana ahlinya yang menjual saham mereka kepada bukan bumiputera kerana ingin cepat dapat duit, kita minta supaya tidak diulangi perbuatan tersebut,” katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Harta-

nah dan Pemaju Perumahan Malaysia (REHDA), Mohd. Khalid Harun mengakui terdapat usahawan bumiputera yang menjual saham yang dimiliki kepada bukan bumiputera kerana mengandaikan mereka mudah untuk memperolehnya lagi pada masa hadapan.

“Sehubungan itu saya minta kerajaan mencari jalan supaya saham yang diberikan itu hanya boleh dijual semula kepada bumiputera sahaja,” katanya.

Beliau berkata, kebiasaannya bumiputera menjual saham atau lesen-lesen yang diperoleh kerana mereka tidak mempunyai kemampuan khususnya dari segi kewangan dan kepakaran.

Jelasnya, usahawan bumiputera yang mempunyai saham dan lesen tetapi tidak mampu berniaga, sepatutnya menjalankan perniagaan secara usaha sama dengan bukan bumiputera bukan menjualkannya kepada mereka.

Beliau turut meminta supaya pemberian saham dan lesen perniagaan diberikan kepada usahawan yang benar-benar berminat, berkelayakan dan mampu untuk berniaga bukannya berdasarkan kepentingan tertentu seperti kepentingan politik.